

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

## **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 3 TAHUN 1995**

### **BAYARAN PREMIUM TANAH OLEH AGENSI KERAJAAN DALAM KAWASAN KESEDAR**

---

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam sidanganya yang ke 6/95 pada 5 April 1995 telah menimbang dan membuat keputusan berikut:-

2. Mengikut amalan sekarang Pejabat Tanah Dan Jajahan yang termasuk dalam kawasan KESEDAR seperti Gua Musang, Kuala Krai, Tanah Merah dan Jeli telah mengira kadar premium yang perlu di bayar oleh agensi Kerajaan dan lain-lain pihak yang memohon tanah kerajaan dalam kawasan KESEDAR dengan mengira kadar premium sebenar dan seterusnya menolak jumlah kos bayaran pampasan oleh KESEDAR sebelum ini.
3. Pengiraan yang diamalkan sekarang adalah tidak wajar memandangkan peruntukan yang digunakan oleh KESEDAR untuk membayar pampasan pengambilan balik tanah dahulu adalah melalui peruntukan Grant Persekutuan atau melalui peruntukan pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri.
4. Sehubungan dengan itu Majlis Mesyuarat Kerajaan membuat keputusan supaya kadar premium sebenar dikenakan sepenuhnya dan bayaran balik kos pengambilan balik tanah kepada KESEDAR adalah tidak perlu.

5. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.

**t.t**

**(Dato' Hj. Khalid bin Kadir)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN

**KEPADA:**

YABrs. Semua Pentadbir Tanah  
Negeri Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

1. Y.A.B Dato' Tuan Guru Menteri Besar, Kelantan.
2. Y.B Timbalan Menteri Besar Kelantan  
(Tuan Hj. Ab. Halim bin Ab. Rahman).
3. Y.B Timbalan Menteri Besar Kelantan  
(Dato'Haji Mohd. Rozali bin Isohak).
4. Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
5. Y.B.M Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. Y.B Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
7. Y.A.Brs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
8. Y.Brs Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, TKT. BAWAH KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU**

**FAIL : PTG.KN.4485 (69)  
: PTG.SULIT 21/3/1 JLD.2 (34)**

**BERTARIKH : 22 ZULKAEDAH 1415  
22 APRIL 1995**